



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP14 : GARIS PANDUAN PENGURUSAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI

TUJUAN

Garis Panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) sebagai panduan kepada koperasi untuk mengurus dan mengendalikan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) secara teratur menurut seksyen 39 Akta.

Dengan berkuatkuasanya garis panduan ini, Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2003 bertarikh 30 April 2003 dengan ini dibatalkan.

LATAR BELAKANG

2. MAT merupakan forum bagi anggota-anggota koperasi untuk mengetahui dan menilai pengurusan dan prestasi koperasi sejak setahun yang lalu. Anggota-anggota koperasi juga boleh menegur, mengawal dan mengambil tindakan yang perlu jika wujud sebarang kelemahan, kesalahan, pertikaian dan penyelewengan dalam koperasi.

3. Tertakluk kepada Akta, Peraturan dan undang-undang kecil, Mesyuarat Agung merupakan kuasa tertinggi dalam struktur pengurusan koperasi. Dengan

ini, MAT merupakan majlis utama untuk anggota-anggota koperasi menilai prestasi, menimbang, memutuskan dan meluluskan sebarang cadangan yang berkaitan dengan perancangan masa depan koperasi khususnya dalam tempoh satu tahun yang akan datang.

4. Garis Panduan ini dapat membantu koperasi dari segi:

- (a) membuat persiapan awal sebelum MAT diadakan;
- (b) memastikan urusan MAT berjalan dengan teratur dan mematuhi undang-undang;
- (c) menentukan perkara-perkara penting dalam hal ehwal koperasi diberi perhatian dan dibincangkan dengan teliti dalam MAT; dan
- (d) memastikan keputusan yang dibuat adalah jelas.

PERANAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

5. MAT mempunyai kuasa pemutus terhadap semua perkara yang dibincangkan tertakluk kepada bidang kuasanya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta, peraturan-peraturan, arahan, garis panduan, surat pekeliling, undang-undang kecil dan aturan-aturan koperasi. Anggota-anggota koperasi boleh memberi mandat kepada Lembaga untuk mentadbir, mengurus dan melaksanakan semua keputusan yang dipersetujui melalui MAT.

6. Peranan MAT adalah seperti berikut –

(a) Penyampaian Maklumat

Anggota-anggota koperasi akan mendapat maklumat melalui laporan atas hal ehwal perjalanan dan pencapaian koperasi termasuklah apa-apa arahan, pandangan dan teguran Suruhanjaya sejak MAT yang terakhir.

(b) Penilaian

MAT merupakan forum bagi membolehkan anggota atau perwakilan menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan pengurusan koperasi sejak MAT yang terakhir. Ini membolehkan koperasi memperbaiki dan meningkatkan perkhidmatan dan pengurusannya pada masa hadapan.

(c) Perancangan

MAT merupakan platform bermulanya idea dan cadangan daripada anggota kepada Lembaga koperasi. Idea dan cadangan ini menggambarkan kehendak atau keperluan bersama anggota koperasi bagi membolehkan dan memudahkan koperasi merancang sebarang perkhidmatan atau aktiviti yang akan dilaksanakan pada masa hadapan.

(d) Pengawasan

MAT merupakan kuasa kawalan ke atas sebarang kelemahan, salahlaku, penyelewengan dan pelanggaran terhadap undang-undang kecil koperasi atau aturan-aturan. Anggota-anggota

koperasi bolehlah mengambil tindakan ke arah memperbaiki pengurusan koperasi khususnya dari segi pematuhan kepada perundangan dan nilai-nilai koperasi.

PERSIAPAN SEBELUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

7. Lembaga koperasi pada amnya bertanggungjawab atas semua urusan MAT. Antara tindakan-tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut –

(a) Pencalonan Anggota Lembaga Koperasi

Koperasi hendaklah memastikan proses pencalonan Anggota Lembaga Koperasi dilaksanakan dengan teratur sepertimana yang digariskan di **Lampiran 1**.

(b) Pengauditan Akaun Koperasi

Setiap koperasi hendaklah memastikan akaunnya diuruskan dengan kemas kini menurut seksyen 58 Akta bagi membolehkan akaun berkenaan diaudit dan dibentang bersekali dengan lain-lain laporan dalam MAT itu selaras dengan kehendak subseksyen 59(1) Akta.

(c) Mesyuarat Agung Wilayah / Kawasan

Mesyuarat agung wilayah / kawasan hendaklah diadakan dalam tempoh yang ditetapkan dalam undang-undang kecil koperasi sekiranya koperasi mengadakan MAT Perwakilan menurut seksyen 37 Akta. Mesyuarat ini adalah untuk memilih anggota perwakilan

ke MAT dan perkara-perkara lain yang ditentukan dalam undang-undang kecil koperasi.

(d) Persiapan Buku Laporan Tahunan

Semua perkara berkaitan yang hendak dibentangkan dalam MAT hendaklah disediakan dalam buku laporan tahunan dengan lengkap terlebih dahulu dan dihantar bersekali dengan notis MAT sekurang-kurangnya **lima belas (15) hari** sebelum MAT. Buku Laporan Tahunan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut –

- (i) Agenda Mesyuarat Agung Tahunan.
- (ii) Minit Mesyuarat Agung Tahunan bagi tahun sebelumnya.
- (iii) Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman.
- (iv) Penyata Kewangan Teraudit.
- (v) Anggaran Belanjawan.

(e) Notis Mesyuarat Agung Tahunan

Notis MAT yang mengandungi maklumat tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat hendaklah disampaikan kepada anggota atau perwakilan sekurang-kurangnya **lima belas (15) hari** sebelum MAT. Satu salinan notis hendaklah disampaikan kepada Suruhanjaya menurut seksyen 41 Akta.

(f) Kelulusan Kekurangan Kuorum

Dalam keadaan tertentu sekiranya kuorum tidak mencukupi bagi maksud –

- (i) mengadakan MAT; dan/atau
- (ii) meminda undang-undang kecil koperasi

maka koperasi dinasihatkan mendapat kelulusan pengurangan kuorum daripada Suruhanjaya.

(g) Keselamatan

Koperasi hendaklah memastikan keselamatan tempat mesyuarat dengan mendapatkan kerjasama pihak berkuasa keselamatan, sekiranya perlu.

(h) Protokol

Koperasi hendaklah mendapatkan nasihat dan kerjasama dari Jabatan Kerajaan tertentu sekiranya ada upacara perasmian MAT yang melibatkan orang kenamaan.

(i) Senarai Anggota atau Perwakilan

Senarai anggota atau perwakilan yang sah dan layak hadir menurut undang-undang kecil koperasi di dalam MAT hendaklah disediakan untuk urusan pendaftaran dan semakan semasa hari MAT berkenaan.

(j) Pengundian

Koperasi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Pengundian untuk memastikan pengurusan pengundian berjalan dengan teratur dan betul.

(k) Mesyuarat Khas Lembaga sebelum Mesyuarat Agung Tahunan

Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat khas untuk memastikan kesempurnaan persiapan MAT pada tarikh yang ditentukan. Lembaga hendaklah meneliti semua perkara yang hendak dilakukan dan dibincangkan semasa MAT termasuk usul bertulis yang diterima daripada anggota tidak kurang daripada tujuh hari sebelum MAT diadakan.

(l) Usul ke Mesyuarat Agung Tahunan

- (i) Semua usul yang diterima tidak kurang daripada tujuh hari sebelum MAT hendaklah dibentang dalam MAT.
- (ii) Usul yang dikemukakan yang diluar daripada bidang kuasa pengurusan koperasi hendaklah didengar, ditimbang dan diputuskan di MAT.
- (iii) Usul bertindih yang diterima bolehlah diselaraskan.

Lembaga koperasi tidak mempunyai kuasa untuk menolak atau menahan sebarang usul yang diterima daripada dibentang dalam MAT.

MEMULAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

8. MAT hendaklah dimulakan, selepas tamatnya upacara majlis perasmian, jika ada; dengan melantik Pengerusi Mesyuarat mengikut cara yang ditetapkan dalam undang-undang kecil koperasi.
9. MAT hendaklah dikendalikan mengikut Etika Mesyuarat Agung seperti di **Lampiran 2.**

SEMASA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DILAKSANAKAN

Peranan Anggota Atau Perwakilan

10. Anggota atau perwakilan hendaklah menjalankan tugasnya dengan penuh tanggung jawab dalam MAT kerana mereka merupakan kuasa kawalan yang utama untuk memastikan kesinambungan koperasi pada masa hadapan. Peranan ini boleh dilaksanakan oleh anggota dengan mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut –

- (1) **Akaun Koperasi, Laporan Berkanun Lembaga, Laporan Juruaudit dan Pandangan Suruhanjaya Ke atas Akaun Koperasi**

Setiap anggota koperasi atau perwakilan adalah bertanggung jawab untuk menyemak, menilai dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas sebarang isu yang berkaitan dengan akaun-akaun, Laporan Berkanun Lembaga, laporan Juruaudit dan pandangan Suruhanjaya ke atas akaun-akaun koperasi dan subsidiari atau subsidiari-subsiarinya, jika ada.

(2) Laporan Lembaga

Setiap anggota hendaklah menyemak, mengkaji dan menilai laporan pengurusan Lembaga berkenaan dengan kedudukan koperasi dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada.

(3) Belanjawan Tahunan

Setiap anggota hendaklah menilai Belanjawan Tahunan Koperasi dengan teliti. Penilaian tersebut bertujuan untuk memastikan pengurusan koperasi berbelanja secara berhemat. Perbelanjaan sebenar bagi tahun sebelumnya yang telah dilakukan hendaklah dibandingkan dengan anggaran belanjawan yang dibuat. Begitu juga dengan anggaran belanjawan pada tahun yang akan datang hendaklah mengambil kira perancangan masa depan serta kemampuan kewangan semasa koperasi. Mengikut Peraturan-Peraturan Koperasi, perbelanjaan koperasi tidak boleh melebihi **lima (5) peratus** daripada amaun yang diperuntukkan dalam belanjawan kecuali dengan kelulusan MAT.

(4) Pelaburan

(a) Koperasi hendaklah —

- (i) memastikan prestasi pelaburan sedia ada dibentangkan dalam MAT;
- (ii) menentukan skop dan had bagi setiap aktiviti pelaburan yang akan dilakukan; dan

- (iii) memperincikan setiap jenis pelaburan yang akan dibuat.
- (b) Setiap anggota atau perwakilan hendaklah menilai prestasi pelaburan-pelaburan koperasi sedia ada dan yang akan dibuat untuk memastikan ianya memberi manfaat kepada anggota atau perwakilan.

(5) Had Maksimum Keterhutangan

- (a) Anggota atau perwakilan hendaklah —
 - (i) mengambil tahu mengenai tujuan pinjaman yang hendak dibuat; dan
 - (ii) menentukan had maksimum keterhutangan.
- (b) Penetapan had maksimum keterhutangan hendaklah selaras dengan kehendak **GP9 : Garis panduan Mengenai Pengambilan Simpanan Khas dan Deposit atau Penerimaan Pinjaman.**

(6) Elaun Anggota Lembaga Koperasi dan Saraan Pengarah Subsidiari

Anggota atau perwakilan hendaklah menyemak dan mengkaji sama ada elaun kepada anggota Lembaga koperasi dan saraan pengarah subsidiari adalah berpatutan dan wajar. Elaun dan saraan hendaklah berdasarkan kepada prestasi dan keupayaan kewangan semasa koperasi dan subsidiari atau subsidiari-subsidiarinya, jika ada.

TINDAKAN SELEPAS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Pelantikan Pegawai-Pegawai Koperasi

11. Mesyuarat Lembaga khas hendaklah diadakan sebaik sahaja MAT berakhir untuk melantik Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari koperasi di kalangan anggota Lembaga.

12. Koperasi hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya suatu senarai anggota Lembaga tidak lewat daripada **lima belas (15) hari** selepas MAT selaras dengan kehendak perenggan 14(1)(a) Akta.

Minit Mesyuarat Agung Tahunan

13. Koperasi hendaklah memastikan minit MAT —


- (a) disediakan dengan betul, tepat dan lengkap;
- (b) ditentusahkan oleh Jawatankuasa Penentusahan minit MAT; dan
- (c) dikemukakan kepada Suruhanjaya tidak lewat daripada 30 hari selepas tarikh MAT selaras dengan kehendak perenggan 14(1)(b) Akta.

PEMAKAIAN, PEMBATALAN DAN TARIKH KUAT KUASA

14. Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.1 Tahun 2003 adalah dengan ini dibatalkan.
15. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.
16. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai 1 Januari 2011.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia